

Ke arah menarik lebih ramai pelancong

# PM mahukan tern-pat sejarah dimajukan

24 JUL 1989

MELAKA 23 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu tempat-tempat sejarah dan menarik di negara ini dimajukan untuk menarik lebih ramai pelancong ke sini.

Katanya, ini boleh menggerakkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan yang sekaligus membantu sektor-sektor lain termasuk perhotelan berkembang maju.

Berucap merasmikan pelancaran persembahan Bunyi dan Cahaya di Padang Pahlawan Bandar Hilir di sini malam tadi, beliau berkata, bila tempat-tempat sejarah dan menarik dimajukan ia bukan sahaja menarik para pelancong luar negeri tetapi juga pengunjung tempatan untuk mengunjungi ke sesebuah negeri itu.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan semua pihak supaya memajukan tempat-tempat yang mereka anggap tidak mempunyai daya penarik pelancong.

“Jangan fikir apa yang kita rasakan perkara biasa, biasa bukan orang lain. Pada orang lain ia merupakan satu perkara yang luar biasa kerana perkara biasa itu tidak terdapat di negara mereka,” katanya.

## Rombongan

Beliau berkata, semasa mengikuti rombongan ke Macao, beliau telah dibawa ke kuil Cina yang pada sangkaannya perkara biasa yang biasa dilihat di negara ini.

Katanya, di kuil itu mereka telah menyaksikan persembahan bunyi dan cahaya dan selepas persembahan itu didapati pelancong dari luar negeri sibuk berbincang mengenai apa yang mereka lihat.

Ini jelas, katanya, satu contoh di mana perkara yang kita anggap tidak istimewa tetapi istimewa pada orang lain.

Serentak dengan itu, beliau memuji kerajaan negeri Melaka di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Sri Abdul Rahim Tamby Chik kerana berjaya melahirkan Projek Bunyi dan Cahaya, sesatunya projek yang unik di negara ini.

Beliau berkata, projek ini akan dapat memajukan industri pelancongan di negeri dan negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin yang projek ini akan dapat mencapai matlamatnya.

Persembahan Bunyi dan Cahaya telah dipersembahkan kepada orang ramai sejak pelancaran Februari lalu. Malam tadi Perdana Menteri merasmikan persembahannya.

Beliau dan isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali telah menyaksikan persembahan pertama Bunyi dan Cahaya yang memakan masa kira-kira 57 minit.

Persembahan Bunyi dan Cahaya memaparkan kronologi sejarah Malaysia sejak bermulanya zaman Kesultanan Melayu Melaka.